



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 04 April 2023 (Selasa) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>Ahli Dewan Negara Berdiri Sebelah Kaki Selama Seminit [METROTV]</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/04/95/2785/ahli-dewan-negara-berdiri-sebelah-kaki-selama-seminit-metrotv">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/04/95/2785/ahli-dewan-negara-berdiri-sebelah-kaki-selama-seminit-metrotv</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/04/03/ahli-dewan-negara-berdiri-satu-kaki-selama-seminit/">https://www.kosmo.com.my/2023/04/03/ahli-dewan-negara-berdiri-satu-kaki-selama-seminit/</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/04/1085514/ahli-dewan-negara-berdiri-satu-kaki-selama-seminit-zahir-sokongan">https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/04/1085514/ahli-dewan-negara-berdiri-satu-kaki-selama-seminit-zahir-sokongan</a></p> <p><a href="https://www.malaysiakini.com/news/660936">https://www.malaysiakini.com/news/660936</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Kosmo</p> <p>Berita Harian</p> <p>Malaysia Kini</p>	Neutral
2	<p>Ibu Bapa Ada Anak OKU Pembelajaran Layak Tuntut Pelepasan Cukai Sehingga RM16,000</p>		Neutral

	<a href="https://selangorkini.my/2023/04/ibu-bapa-ada-anak-oku-pembelajaran-layak-tuntut-pelepasan-cukai-sehingga-rm16000/">https://selangorkini.my/2023/04/ibu-bapa-ada-anak-oku-pembelajaran-layak-tuntut-pelepasan-cukai-sehingga-rm16000/</a>	Selangor Kini	
3	<b>Seramai 229 Kanak-Kanak Dilaporkan Hilang Di Seluruh Negara Setakat Hari Ini</b>  <a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2023/04/952670/di-mana-mereka-sekarang">https://www.hmetro.com.my/utama/2023/04/952670/di-mana-mereka-sekarang</a>	Harian Metro	Neutral
4	<b>Dua Wanita Maut Myvi Bertembung Lori Treler</b>  <a href="https://www.kosmo.com.my/2023/04/03/dua-wanita-maut-myvi-bertembung-lori-treler/">https://www.kosmo.com.my/2023/04/03/dua-wanita-maut-myvi-bertembung-lori-treler/</a>  <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/252690/berita/s-emas/dua-wanita-maut-tersepit-nahas-dua-kenderaan">https://www.sinarharian.com.my/article/252690/berita/s-emas/dua-wanita-maut-tersepit-nahas-dua-kenderaan</a>  <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/dua-wanita-maut-myvi-bertembung-treler/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/dua-wanita-maut-myvi-bertembung-treler/</a>  <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/952661/dua-wanita-maut-dalam-kemalangan-dengan-treler">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/952661/dua-wanita-maut-dalam-kemalangan-dengan-treler</a>  <a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-wanita-maut-kereta-bertembung-lori-413781">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-wanita-maut-kereta-bertembung-lori-413781</a>  <a href="https://www.youtube.com/watch?v=bMq4q5v-L3w">https://www.youtube.com/watch?v=bMq4q5v-L3w</a>  <a href="https://www.youtube.com/watch?v=siROGJoP5hU">https://www.youtube.com/watch?v=siROGJoP5hU</a>  <a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/03/2-wanita-maut-kereta-bertembung-treler/">https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/03/2-wanita-maut-kereta-bertembung-treler/</a>  <a href="https://www.buletintv3.my/nasional/identiti-dua-wanita-terbunuh-dikenal-pasti/">https://www.buletintv3.my/nasional/identiti-dua-wanita-terbunuh-dikenal-pasti/</a>	Kosmo  Sinar Harian  Utusan  Harian Metro  Astro Awani  Buletin TV9  Buletin TV3  FMT  Buletin TV3	Neutral
5	<b>Wanita Perlu Memahami Pindaan Akta Kerja 1955</b>  <a href="https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/04/wanita-perlu-memahami-pindaan-akta-kerja-1955/">https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/04/wanita-perlu-memahami-pindaan-akta-kerja-1955/</a>	Utusan	Neutral
6	<b>Rumah Terbakar, Ibu Tunggal Hilang Punca Pendapatan</b>		Neutral

	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/rumah-terbakar-ibu-tunggal-hilang-punca-pendapatan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/rumah-terbakar-ibu-tunggal-hilang-punca-pendapatan/</a>	Utusan	
7	<b>Dedah OKU Dengan Perniagaan</b> <a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/04/952872/dedah-oku-dengan-perniagaan">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/04/952872/dedah-oku-dengan-perniagaan</a>	Harian Metro	Neutral
8	<b>Bapa OKU Pelihara Anak Hidap Sakit Usus</b> <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/bapa-oku-pelihara-anak-hidap-sakit-usus/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/bapa-oku-pelihara-anak-hidap-sakit-usus/</a>	Utusan	Neutral

### AHLI DEWAN NEGARA BERDIRI SEBELAH KAKI SELAMA SEMINIT [METROTV]

<https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/04/952785/ahli-dewan-negara-berdiri-sebelah-kaki-selama-seminit-metrotv>

Sumber : Harian Metro



Kuala Lumpur: Persidangan Dewan Negara hari ini berlangsung dalam suasana sedikit emosi apabila Senator di dalam dewan bertindak berdiri sebelah kaki selama satu minit sebagai tanda sokongan dan bersolidariti kepada Senator Isaiah Jacob.

Terdahulu, Isaiah yang juga Orang Kurang Upaya (OKU) kudung sebelah kaki, ketika mengakhiri ucapannya pada sesi perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2023 (Belanjawan 2023) yang menyentuh soal kebajikan dan pemerkasaan golongan OKU, meminta semua ahli dewan berdiri bersamanya.

"Saya telah berdiri untuk sertai perbahasan ini selama 14 minit 15 saat, satu kaki, kami orang kuat upaya... Saya nak tutup dengan satu perkara, saya mohon semua YB (Yang Berhormat) termasuk Yang Dipertua.. berdiri selama satu minit, dengan satu kaki...terima kasih," katanya.

Semua Ahli Dewan Negara yang hadir kemudian bersama-sama berdiri sebagai tanda sokongan kepada Isaiah yang seterusnya mendapat perhatian Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara Senator Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad.

"Terima kasih YB Isaiah atas hujah diberikan, saya amat terasa dalam soal ini dan apa yang dibahaskan, semoga didengari pihak kementerian bertanggungjawab," katanya.

Dalam ucapan perbahasannya, Isaiah yang memilih untuk menggunakan terma "golongan istimewa" bagi menggantikan istilah OKU mencadangkan supaya satu Jawatankuasa Hal Ehwal OKU diwujudkan dan diletakkan di bawah seliaan Jabatan Perdana Menteri.

Beliau berkata Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang ketika ini bertanggungjawab menjaga kebajikan warga istimewa dilihat mempunyai banyak kekangan kerana turut perlu beri perhatian pada golongan lain seperti ibu tunggal, pesakit selain mangsa kes kebakaran dan bencana.

"Apabila jawatankuasa ini ada, hal OKU mereka akan ambil alih daripada JKM, mereka akan pantau setiap lima tahun Akta OKU 2008, yang dah 15 tahun, kita semak semula, elaun OKU juga wajib diteliti, dinaikkan setiap dua tahun jadi saya mohon YB semua sokong penubuhannya.

"Kita juga harap golongan istimewa ini didaftarkan terus dalam kad pengenalan mereka, tak perlu daftar dengan JKM dan kad OKU ini, kerana ada sesetengah orang (bukan OKU) salah guna kad ini untuk dapatkan keistimewaan yang sepatutnya golongan istimewa ini dapat," katanya.

Isaiah berkata beliau sentiasa bersedia untuk membantu JKM dan juga Jabatan Perdana Menteri dalam merealisasikan cadangannya itu demi memperkasa komuniti OKU di negara ini yang dilihat ketinggalan berbanding negara lain.

## **IBU BAPA ADA ANAK OKU PEMBELAJARAN LAYAK TUNTUT PELEPASAN CUKAI SEHINGGA RM16,000**

<https://selangorkini.my/2023/04/ibu-bapa-ada-anak-oku-pembelajaran-layak-tuntut-pelepasan-cukai-sehingga-rm16000/>

**Sumber : Selangor Kini**



SHAH ALAM, 3 APRIL: Ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya (OKU) pembelajaran layak menuntut pelbagai pelepasan cukai sehingga RM16,000.

Timbalan menteri kewangan berkata ia meliputi perbelanjaan membeli peralatan sokongan asas sehingga RM6,000 dengan syarat anak tersebut berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Selain itu, Steven Sim Chee Keong memaklumkan pelepasan cukai anak sebanyak RM6,000 dan cukai pendapatan sehingga RM4,000 turut diberikan.

“Secara kesimpulannya kalau kita tambahkan segala pelepasan, maka ibu bapa untuk anak OKU termasuk anak OKU pembelajaran layak menuntut sebanyak RM16,000,” katanya dalam sesi penggulungan di Dewan Rakyat hari ini.

Sementara itu beliau menjelaskan pelepasan cukai pendapatan sehingga RM4,000 adalah dasar baharu diperkenalkan kerajaan sebagai tanda keprihatinan terhadap golongan terbabit.

“Kalau nak kata tidak prihatin, (kerajaan) dulu tak pernah buat...sekarang telah dilaksanakan oleh kerajaan perpaduan.

“Mungkin angka ini masih belum memadai, kita akan berusaha mengambil semua cadangan untuk menambah (jumlah pelepasan) pada masa hadapan,” katanya.

## SERAMAI 229 KANAK-KANAK DILAPORKAN HILANG DI SELURUH NEGARA SETAKAT HARI INI

<https://www.hmetro.com.my/utama/2023/04/952670/di-mana-mereka-sekarang>

Sumber : Harian Metro



Kuala Lumpur: Seramai 229 kanak-kanak dilaporkan hilang di seluruh negara berdasarkan semakan dilakukan di Portal Rasmi Kanak-Kanak Hilang setakat hari ini.

Jumlah itu termasuk sebilangan kanak-kanak yang dilaporkan hilang dan gagal ditemui sehingga kini sejak beberapa tahun lalu.

Antara kanak-kanak yang tersenarai dalam portal berkenaan adalah C Nisha yang berusia dua tahun ketika dilaporkan hilang pada 4 Jun 2010.

Lokasi terakhir Nisha dikesan sebelum dilaporkan hilang adalah Jalan Bendera 20, Taman Bukit Bendera, Mentakab, Pahang.

Seorang lagi kanak-kanak tersenarai adalah TV Sathiskumar berusia lima tahun ketika dilaporkan hilang pada 8 Ogos 2012.

Sathiskumar yang menghidap penyakit sawan sejak kecil dikatakan kali terakhir dilihat di Jalan Permatang Pauh, Seberang Jaya, Pulau Pinang.

Kanak-kanak yang turut tersenarai adalah Low Min You berusia tiga tahun ketika dilaporkan hilang pada 9 Mei 2014.

Min You yang mempunyai parut pada bibir dikatakan kali terakhir dilihat di tepi jalan berdekatan tandas Shell di Kampung Air, Karamunsing, Sabah.

Turut tersenarai ialah Qaseh Qumairah Damia Abdullah yang berusia tujuh tahun ketika dilaporkan hilang pada 23 Januari 2017.

Kanak-kanak itu yang mempunyai tanda lahir pada pipi dilaporkan hilang di Kota Tinggi, Johor.

Seorang lagi kanak-kanak yang tersenarai adalah Puteri Nurardiana Damia Qaisara Abdullah berusia lima tahun ketika dilaporkan hilang pada 28 September 2019.

Kali terakhir Puteri Nurardiana dilihat ketika berada di bilik tidur di rumahnya di Bintulu, Sarawak.



SUDAH empat tahun Mohd Fauzi mengharapkan kepulangan anaknya, Zahir yang hilang.

### **Rindu ini buat hatiku lemah...**

"Setiap kali menjelang Ramadan, pasti rindu saya terhadap Zahir semakin kuat menyebabkan harapan ini makin 'menggantung' untuk melihat dia muncul secara nyata di hadapan mata," kata Mohd Fauzi Abdul Ghaffar.

Mohd Fauzi, 49, adalah bapa kepada Muhammad Zahiruddin Putra atau lebih mesra dengan panggilan Zahir yang dilaporkan hilang ketika berusia lapan tahun sejak 15 April 2019.

Menurutnya, dia sering terkenang karehah Zahir yang suka menyakatnya sebelum waktu berbuka puasa setiap kali Ramadan sejak kehilangan anak keenam daripada tujuh beradik itu.

Katanya, detik paling menyedihkan bagi dirinya adalah sewaktu membayar zakat fitrah bagi Zahir pada setiap tahun sejak kanak-kanak itu dilaporkan hilang.

"Saya tidak pernah ketinggalan membayar zakat fitrah untuk Zahir setiap tahun kerana selagi dia tidak diisytiharkan meninggal dunia, sudah menjadi tanggungjawab saya untuk menunaikan ibadat itu.

"Namun, apa yang menyedihkan adalah apabila saya perlu menerima hakikat saya membayar zakat untuk Zahir, tetapi kami tidak tahu dia ada di mana," katanya ketika ditemui di rumahnya di Bandar Seri Putra, Kajang, baru-baru ini.

Menurutnya, dia kerap melihat bayangan Zahir yang seolah-olah memaklumkan dirinya berada di alam lain dan dalam keadaan gembira.

"Saya amat rindu untuk peluk dan cium dia. Malah, saya juga rindu gelak tawa, jenaka serta tingkah lakunya yang pandai mengambil hati.

"Setiap kali saya rindu dan teringatkan Zahir, saya sering menunaikan solat hajat serta membuat siaran langsung di media sosial sebagai ikhtiar untuk mencarinya.

"Jauh di sudut hati, saya mahu dia kembali ke alam nyata ini. Pastinya saya mahu Zahir hidup dan akan menerima apa sahaja keadaannya apabila dia kembali ke pangkuan kami," katanya.

Sebelum ini, Harian Metro melaporkan kehilangan kanak-kanak itu disedari ibunya, Sainih Sunding sebaik tiba di rumahnya di Bandar Seri Putra selepas pulang dari tempat kerja pada jam 7 malam, 15 April 2019.

Mohd Fauzi kemudian melaporkan kehilangan anak lelakinya itu di Balai Polis Bangi keesokannya sebelum kejadian itu turut dihebahkan melalui Nur Alert.

### **'Saya harap polis tak lupakan Sharlinie'**

"Sudah 15 tahun berlalu dan saya tetap setia menunggu kepulangannya," kata Suraya Ahmad, ibu kepada Sharlinie Mohd Nashar yang kehilangannya disifatkan penuh misteri ketika kanak-kanak itu berusia empat tahun.

Suraya, 43, yang tinggal di Kampung Padang Pulut di Dungun, berkata, sejak kehilangan Sharlinie kira-kira jam 11.30 pagi, 9 Januari 2008, kerinduannya pada anaknya itu tidak pernah terpadam.

"Orang senang bercakap benda yang lepas tak perlu difikirkan namun hati nurani saya sebagai ibunya, demi Tuhan saya tidak pernah melupakannya.

"Setiap kali tiba Ramadan, saya kerap bersendirian di dalam bilik teringatkan dia.

"Saya tidak mampu menahan air mata, hanya Allah yang tahu betapa saya sangat merinduinya," katanya.

Menurutnya, biarpun dua kakak Sharlinie, Nurul Amirah Mohd Nashar, 26, dan Sharliena Mohd Nashar, 23, serta adiknya, Adam Mohd Nashar, 14, ada bersamanya sepanjang masa namun Sharlinie tetap dirinduinya.

"Cuba bayangkan saya hanya dapat bermanja dengannya hanya selama empat tahun. Dia tiba-tiba hilang dalam hidup saya dengan sekelip mata, tanpa berita, tanpa khabar.

"Kini hanya tinggal dua keping gambar dan dua helai baju peninggalan Sharlinie yang menjadi tempat saya untuk melepaskan rindu," katanya ketika ditemui di rumahnya, baru-baru ini.

Menceritakan semula detik sebelum kehilangan anaknya itu, Suraya berkata, sebelum kejadian, Sharlinie bersama kakaknya, Sharliena yang ketika itu berusia tujuh tahun bermain di sebuah taman permainan di Taman Medan, Petaling Jaya.

"Ketika dalam perjalanan pulang ke rumah sewa yang terletak kira-kira 200 meter dari taman permainan itu, Sharliena terdengar bunyi orang berjalan menyebabkan dia menoleh ke belakang.

"Bagaimanapun ketika menoleh semula ke depan, Sharliena mendapati adiknya yang sebelum itu berjalan di depannya hilang sebelum pulang ke rumah memaklumkan kehilangan adiknya itu," katanya.

Suraya berkata, selain kehilangan anaknya itu, negara turut digemparkan dengan tragedi menimpa seorang lagi kanak-kanak, Nurul Jazlin Jazimin yang diculik dan dibunuh sehingga seluruh rakyat Malaysia merasai kesedihan itu.

"Sampai sekarang saya sangat buntu apabila memikirkan kehilangan Sharlinie yang sungguh misteri dan masih belum terjawab.

"Sejak kehilangannya, pelbagai usaha saya lakukan termasuk secara tradisional untuk mencari anak saya itu dan saya tidak akan putus asa, insya-Allah saya akan menemuinya satu masa nanti," katanya.

Menurutnya, beberapa bulan selepas kehilangan Sharlinie, dia ada bermimpi bertemu dengan anaknya itu bersama seorang wanita tua di suatu kawasan yang dikelilingi pokok.

"Wanita itu mendakwa dia adalah penjaga Sharlinie. Bila saya ajak Sharlinie balik ke rumah, Sharlinie kata dia nak duduk bersama wanita itu buat sementara waktu dan akan balik menemui saya.

"Selepas itu saya tidak pernah lagi bermimpi bertemu dengannya, namun firasat saya yakin anak saya itu akan pulang dan dia masih hidup," katanya.

Suraya berkata, dia meminta pihak berkuasa dan orang ramai tidak melupakan kejadian yang menimpa anaknya itu.

"Saya harap pihak polis tidak melupakan Sharlinie dan mereka yang terjumpa Sharlinie atau mempunyai maklumat segera membantu.

"Saya sangat ternanti-nanti perkembangan kes anak saya ini dan berharap pihak berkuasa terus menyiasat supaya Sharlinie ditemui.

"Bagaimanapun, saya reda dan bersedia sekiranya Sharlinie ditemui sudah meninggal," katanya.

## DUA WANITA MAUT MYVI BERTEMBUNG LORI TRELER

<https://www.kosmo.com.my/2023/04/03/dua-wanita-maut-myvi-bersembung-lori-treler/>

Sumber : Kosmo



PEKAN – Dua wanita maut selepas kenderaan jenis Perodua Myvi dinaiki mereka bertembung dengan sebuah lori treler di Jalan Rompin lama berhampiran dengan kawasan kolam undang di sini hari ini.

Difahamkan dalam kejadian kira-kira pukul 8.30 pagi itu, kedua-dua mangsa yang merupakan kakitangan Jabatan Perangkaan dalam perjalanan dari Kuantan ke Rompin bagi melakukan bancian.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Ismail Abdul Ghani berkata, kejadian melibatkan kereta dan lori treler yang dipercayai bertembung.

“Terdapat dua perempuan dewasa yang tersepit di dalam kereta meninggal dunia di tempat kejadian manakala pemandu lori treler selamat.

“Pasukan bomba mengeluarkan mangsa yang tersepit dengan menggunakan peralatan menyelamat,”katanya di sini hari ini.

Menurutnya, mangsa diserahkan kepada pihak polis dan dihantar ke hospital untuk tindakan lanjut. – KOSMO! ONLINE

## WANITA PERLU MEMAHAMI PINDAAN AKTA KERJA 1955

<https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/04/wanita-perlu-memahami-pindaan-akta-kerja-1955/>

Sumber : Utusan



[AKTA Kerja 1955](#) dan pindaannya pada 2022 memberikan perlindungan kepada pekerja termasuk wanita di Malaysia. Antara hak yang diperuntukkan dalam akta tersebut termasuk mendapat gaji sama dengan pekerja lelaki yang melakukan kerja serupa, mendapat cuti tahunan, cuti sakit dan cuti bersalin.

Selain itu, wanita juga dilindungi daripada diskriminasi di tempat kerja berdasarkan jantina, status perkahwinan atau kehamilan. Majikan juga dikehendaki memastikan tempat kerja selamat dan selesa bagi pekerja wanita.

Bagi wanita yang menghadapi masalah gangguan seksual di tempat kerja, mereka mempunyai hak melaporkan perkara tersebut kepada majikan atau pihak berkuasa.

Majikan juga dikehendaki mengambil langkah-langkah untuk mencegah gangguan seksual di tempat kerja dan memastikan bahawa pekerja wanita tidak terdedah kepada situasi yang membahayakan keselamatan mereka.

Oleh itu, adalah penting bagi wanita untuk memahami hak-hak mereka sebagai pekerja dan mengambil tindakan jika hak mereka dilanggar.

Pendidikan dan kesedaran mengenai hak wanita di tempat kerja perlu ditingkatkan agar mereka dapat melindungi diri dan memastikan tidak menjadi mangsa diskriminasi atau gangguan seksual.

Selain itu, kesedaran dan sokongan daripada keluarga mahupun masyarakat juga penting bagi wanita yang bekerja untuk mengekalkan keseimbangan antara kerja dan kehidupan keluarga.

Dengan memahami hak dan perlindungan yang ada, wanita akan lebih yakin dan berdaya saing dalam mencari dan mengekalkan pekerjaan yang sesuai dengan kemampuan. Wanita juga dapat menggunakan pengetahuan ini untuk menghadapi cabaran di tempat kerja.

Selain itu, memahami undang-undang pekerjaan juga dapat membantu wanita memahami tanggungjawab mereka sebagai pekerja dan memberikan jaminan tindakan dapat diambil terhadap perlakuan tidak adil atau penyalahgunaan kuasa oleh majikan atau penyelia.

Ini akan memastikan bahawa wanita dapat menjalankan tugas mereka dengan sepenuhnya sambil memenuhi tanggungjawab sebagai ibu dan anggota keluarga. – [UTUSAN](https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/rumah-terbakar-ibu-tunggal-hilang-punca-pendapatan/)

## **RUMAH TERBAKAR, IBU TUNGGAL HILANG PUNCA PENDAPATAN**

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/rumah-terbakar-ibu-tunggal-hilang-punca-pendapatan/>

**Sumber : Utusan**



**HULU TERENGGANU:** Hasrat seorang ibu tunggal yang ingin mencari rezeki lebih dengan berniaga kuih-muih pada Ramadan ini tidak kesampaian setelah peralatan memasak dan stok bahan mentah musnah setelah rumahnya di Kampung Bukit Ara, Ajil di sini terbakar pada Sabtu lalu.

Ruslina Harun, 53, berkata, kejadian kira-kira pukul 3.40 petang itu menyebabkan dia bersama empat anak yang berusia antara 14 hingga 21 tahun tinggal sehelai sepinggang, selain menanggung kerugian kira-kira RM50,000.

Menurutnya, ketika kejadian, dia sedang sibuk membuat persiapan menghantar kuih-muih ke bazar Ramadan berdekatan manakala seorang anaknya, Muhammad Aminuddin Yaacob, 21, berada dalam bilik dan tiga yang lain tiada di rumah.

“Saya terkejut apabila anak saya keluar dari bilik setelah terdengar bunyi letupan kecil, sambil memberitahu rumah terbakar dan api marak di ruangan dapur.

“Ketika itu, saya tidak sempat berbuat apa-apa, selain cuma sempat mencapai beg tangan lalu bergegas keluar kerana api marak terlalu cepat. Saya hanya mampu laungkan azan sambil lihat rumah pusaka didiami lebih 40 tahun terbakar.

“Walaupun sedih, namun reda dengan ujian ini. Buat masa ini, saya menumpang sementara di sebuah rumah terletak berhampiran dengan bantuan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung,” katanya ketika ditemui di sini.

Tambah Ruslina, dia juga telah kehilangan sumber pendapatan kerana sebelum ini hanya mengharapkan hasil jualan harian daripada kuih-muih untuk perbelanjaan.

Jelasnya, dia juga telah membelanjakan kira-kira RM1,000 sebagai modal bagi membeli bahan mentah seperti minyak masak dan tepung gandum untuk membuat kuih-muih sepanjang Ramadan ini.

Orang ramai yang ingin membantu boleh salurkan bantuan menerusi akaun 163037206720 (Maybank) atas nama anak sulungnya, Noraini Mat Zin, 34, atau hubungi di talian 014-7948435.  
– [UTUSAN](#)

## **DEDAH OKU DENGAN PERNIAGAAN**

<https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/04/952872/dedah-oku-dengan-perniagaan>

**Sumber : Harian Metro**



Semenyih: Biarpun ada kekurangan, empat insan istimewa diberi kepercayaan menyumbang bakti di gerai makanan diusahakan oleh Akademi Permata Impian (APIM), di sini, yang dibuka sepanjang Ramadan.

Pengasas APIM, Ahmat Saridan Suhairi@Kassim berkata, gerai yang terletak pusat latihan dan asas pekerjaan orang kurang upaya (OKU) masalah pembelajaran itu dibuka sejak 2 Ramadan lalu.

Menurut Ahmat Saridan, matlamatnya adalah memberi OKU terbabit pendedahan dalam bidang perniagaan dan cara berurusan dengan pelanggan.

"Ini tahun ketiga APIM membuka gerai jualan makanan sempena Ramadan dan tahun ini, empat OKU yang juga pelatih APIM turut membantu di gerai.

"Mereka adalah anak sulung saya iaitu Iskandar Ahmat Saridan, 24 (disleksia), Abd Hadi Mohamad, 23, (autisme dan anak yatim), Maryam Mansur, 41 (mental) serta anaknya, Baidury Balqis Yasri, 18, yang mempunyai kepelbagaian ketidakupayaan," katanya ketika ditemui Harian Metro di gerai jualan APIM di hadapan Masjid Bandar Rinching, di sini, hari ini.

Ahmat Saridan berkata, Maryam menyediakan beberapa menu utama, selain terdapat beberapa menu yang dimasak oleh ibu pelatih APIM, manakala Iskandar, Baidury dan Abd Hadi membantu membungkus makanan dibeli oleh pelanggan.

Katanya, turut membantu adalah dua sukarelawan APIM iaitu Mashitah, 20, dan Mokhtam Othman, 50.

Katanya, gerai jualan dibuka bermula jam 4 petang menjual beberapa menu termasuk mi kari, mi jawa, rojak, nasi briyani nasi campur, kuih muih serta minuman.

"Syukur dan terima kasih kepada semua yang menyokong daripada awal sehingga kini.

"Sebahagian hasil jualan akan digunakan untuk menampung kos perbelanjaan di APIM," katanya.

## BAPA OKU PELIHARA ANAK HIDAP SAKIT USUS

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/bapa-oku-pelihara-anak-hidap-sakit-usus/>

Sumber : Utusan



JERANTUT: Seorang kanak-kanak di Felda Kota Gelanggi 4, Mohd. Adam Mat Noh yang berusia empat tahun tidak seperti insan lain yang seusia dengannya apabila menderita sebahagian usus perut keluar dan cuma dibantu pemakaian beg stoma untuk membuang najis.

Akibat penderitaan dan kesakitan dialaminya, Mohd. Adam hanya berdiam diri, malu dan tidak berminat bersosial.

Anak bongsu daripada dua beradik itu kini dijaga bapanya, Mat Noh Mohamad, 54, seorang duda berstatus orang kurang upaya (OKU) yang mengalami tulang paha pendek.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Mat Noh berkata, anaknya dikesan mengalami kerosakan di bahagian usus perut sejak dilahirkan apabila anggota dalaman itu pendek dan tersumbat. “Kerosakan ususnya semakin ketara apabila berusia dua tahun apabila dia makan langsung tidak dapat membuang najis melalui dubur.

“Bermula daripada masalah itu, anak saya menjalani pembedahan usus kali pertama di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) Kuantan dua tahun lalu bagi membolehkan dia membuang najis,” katanya di sini semalam.

Menurutnya, selepas pembedahan, keadaan usus Mohd. Adam masih tidak berfungsi dengan baik dan menjalani sekali lagi pembedahan tahun lalu sehingga sebahagian ususnya dibiarkan keluar dengan pemakaian beg stoma.

Katanya, pembuangan air besar anaknya kini melalui beg stoma dan kerap tidak selesa serta sakit apabila bergesel dengan pakaian malah langsung tidak mampu berlari serta bermain seperti kanak-kanak lain.

Beliau berkata, ketika anaknya menjalani pembedahan sebelum ini dan tinggal di wad selama lapan bulan, dia sudah berbelanja RM4,000 untuk berulang-alik, penginapan dan makanan.

Katanya, sebelum berpisah dengan isterinya, dia hanya bekerja ringan sebagai buruh kerana tidak mampu bekerja berat.

“Saya berhenti kerja selepas berpisah untuk memberikan perhatian sepenuhnya kepada Mohd. Adam.

“Walaupun menerima bantuan bulanan RM450 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai status pemegang kad OKU, tetapi masih tidak mencukupi,” katanya.

Orang ramai yang ingin membantu boleh hubungi Mat Noh, 0179305176 atau terus ke akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) 06004-41-00010494-6. – [UTUSAN](#)